

# 11 calon tanding rebut lima kerusi MPP UMSKAL

UB 5-11-2014 A6

Oleh HENRY BATING

LABUAN: Urusetia Pilihan Raya Kampus bagi Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) mengesahkan 11 calon untuk bertanding merebut dua kerusi umum dan tiga kerusi fakulti dalam Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2015.

Daripada senarai itu, paparan di papan kenyataan menempelkan empat calon bertanding untuk kerusi umum, dua calon untuk kerusi Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), lima calon untuk mewakili Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) manakala satu pencalonan untuk FKI ditolak.

“Semua calon diberi ruang untuk membuat pidato umum bagi menyatakan

gagasan dan manifesto masing-masing dalam siri kempen dua hari melibatkan pelajar keseluruhan dan pelajar di Kolej Kediaman Alpha, Beta dan Mutiara,” kata Pengerusi Jawatankuasa Pengenalan Calon dan Kempen Mohammad

Sarwar-E-Alam.

Dalam pidato umum setiap calon di Dewan Kuliah Isnin Malam, calon-calon bagi kawasan umum terdiri daripada Mohd Syahidiyanto Sukiman, Amos Peter, Wan Nor Rozila Wan Mat Roni dan Eka Fadila Mohd

Lamba.

Calon-calon bagi mewakili FKI ialah Cherril Mitchell Henry dan Ezra John Anthony. FKAL menampilkan calon teramai terdiri daripada Nurul Aqilah Mohd Zainuzi, Muhammad Ashraf Nazri Noor Azman,

Thinakaran a/Suppiah, Lee Dian Zee dan Mohd Anas Mentoh.

UMSKAL memiliki lima kerusi perwakilan melibatkan dua bagi kawasan umum, satu bagi FKI dan dua bagi FKAL.

Turut hadir Timbalan Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal.

Siri kempen dilanjutkan malam kelmarin dengan pidato bagi para penghuni Kolej Kediaman Alpha dan Beta yang kemudian berakhir di Kolej Kediaman Mutiara Sungai Badaun. Pembuangan undi di kalangan kira-kira 2,000 pelajar ditetapkan Jumaat ini.

**CALON-calon bergambar bersama Dr Geoffrey di akhir sesi pengenalan.**



**SYAHIDIYANTO**



**AMOS**



**ROZILA**



**EKA**